



PKPB di tiga lagi mukim

Dilaksanakan di Mukim Parit Buntar, Perak; Mukim Rasau, Terengganu dan Mukim Jimah, Negeri Sembilan

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga lokasi baharu di Sabah sementara satu mukim masing-masing di Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan PKPB memabitkan Mukim Parit Buntar (Perak); Mukim Rasau, Dungun (Terengganu) dan Mukim Jimah, Port Dickson (Negeri Sembilan) yang akan berkuat kuasa Sabtu ini sehingga 20 November depan.

Memperincikan perkara itu, beliau berkata, KKM telah mengesahkan se-

banyak 12 kes positif Covid-19 di Mukim Parit Buntar dan PKPB di mukim itu akan melibatkan seramai 45,359 orang penduduk dengan jumlah 7,847 unit rumah.

“Untuk Mukim Rasau pula sebanyak 25 kes positif Covid-19 dikesan dan PKPB di lokasi ini akan melibatkan seramai 43,687 orang penduduk.

“Sebanyak 11 kes positif Covid-19 dikenal pasti di Mukim Jimah dengan pelaksanaan PKPB akan melibatkan 24,540 orang penduduk,” katanya pada sidang akhbar perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan PKPD pula dibuat di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira Sandakan berkuat kuasa hari ini sehingga 19 November.

“Setakat 4 November 2020, saringan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sebanyak 440 kes

FOTO: BERNAMA



ISMAIL SABRI

positif Covid-19 melibatkan tahanan dan juga staf di PTS Tawau ini.

“PKPD PTS Tawau ini akan melibatkan 1,707 individu yang terdiri daripada 1,603 tahanan dan 104 kakitangan,” katanya.

Beliau berkata, PKPD di Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira pula melibatkan seramai 1,605 individu yang merangkumi 1,308 orang tahanan dan 297 orang kakitangan.

Setakat tengah hari semalam, KKM telah menjalankan sebanyak 669 saringan dan merekodkan sebanyak 111 kes positif Covid-19 di Penjara Sandakan.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, kerajaan juga memutuskan untuk melanjutkan PKPD Anjung Teduh di Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa Sabtu ini sehingga 20 November depan.

Beliau berkata, langkah itu dibuat atas nasihat KKM berikutan lokasi itu merekodkan 56 kes kumulatif positif Covid-19. - Bernama

Tiada pergerakan rentas kawasan PKPB, PKPD dibenarkan

KUALA LUMPUR - Tiada pergerakan rentas mukim; daerah atau negeri dibenarkan bagi mereka yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) untuk tujuan balik kampung bersempena Deepavali.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia dipersejuti pada sidang khas semalam yang mendengar pembentangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai prosedur operasi standard (SOP) sambutan Deepavali pada 14 November ini.

Beliau berkata, sidang khas itu juga bersetuju penganut Hindu di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan PKPB dibenarkan mengikuti upacara keagamaan pada hari pertama sambutan dengan SOP yang ketat.

“Bagaimanapun, aktiviti sembahyang di rumah ibadat, aktiviti ziarah dan perniagaan adalah tidak dibenarkan dalam kawasan PKPD,” katanya pada sidang akhbar perkembangan PKPP di sini semalam.

Katanya, kuil hanya dibuka dari jam 7 pagi hingga 12 tengah hari dan upacara disertai tidak lebih 30 orang pada satu-satu masa bergantung keluasan premis. - Bernama